



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA) ANJUR ASEAN GREEN JOBS FORUMS PADA 24 DAN 25 APRIL 2024

MYFUTUREJOBS GREEN JOB FAIR 2024 DAN KESUMA GREEN SKILLS FAIR PADA 25 HINGGA 27 APRIL 2024

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) akan menganjurkan ASEAN Green Jobs Forum 2024 pada 24 dan 25 April 2024 bertempat di Hotel EQ Kuala Lumpur. Forum ini dianjurkan dengan kerjasama kerajaan Australia melalui *Aus4ASEAN Digital Transformation and Future Skills Initiative*, *The Asia Foundation* dan Sekretariat ASEAN. Penganjuran forum di peringkat ASEAN ini bertujuan untuk menggalakkan perkembangan pekerjaan hijau supaya selari dengan keperluan pembangunan ekonomi yang terangkum (*inclusive*) dan persekitaran mapan (*sustainable environment*) di rantau ini.

KESUMA, melalui agensinya iaitu PERKESO juga akan menganjurkan *MYFutureJobs Green Job Fair 2024* yang bakal menyediakan 3000 peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan daripada syarikat-syarikat terpilih. KESUMA ingin menjemput semua pencari kerja untuk beramai-ramai hadir ke program yang akan diadakan pada 25, 26 dan 27 April 2024 bertempat di Avenue K, Kuala Lumpur. Program ini mensasarkan golongan pencari kerja daripada pelbagai kategori dan lapisan masyarakat secara umum.

Bersempena penganjuran *MYFutureJobs Green Job Fair 2024* ini, KESUMA melalui agensinya iaitu TalentCorp juga akan turut menganjurkan *Green Skills Fair* bertempat di Avenue K, Kuala Lumpur. Program berkaitan kemahiran hijau ini akan melibatkan kementerian dan agensi Kerajaan, industri, ahli akademik dan pertubuhan bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organisation*). Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan seperti *pocket talk* serta aktiviti interaktif untuk seisi keluarga antaranya *Green Tech Showcase* dan *Skill-Building Sessions*. Terdapat juga pelbagai pameran berkaitan *Green Skills* yang turut mengetengahkan produk-produk hijau akan dipamerkan sepanjang program ini berlangsung.

Penganjuran acara julung-julung kalinya berpaksikan *Green Jobs* ini adalah bukti komitmen KESUMA dalam memperkasa pekerjaan hijau serta peralihan adil (*Just Transition*), bertepatan ke arah kesediaan Malaysia untuk menjadi pengurus ASEAN bagi tahun 2025.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
22 MAC 2024**